

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah masalah yang dihadapi oleh pesawah dari utara yang mengadu bahawa kelewatan benih padi sah dan harga benih yang melonjak ke RM60. Apakah perancangan menyeluruh Kementerian untuk menangani masalah yang berulang saban tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Insentif Benih Padi Sah (IBPS) merupakan salah satu daripada program subsidi dan insentif yang diuruskan oleh Kementerian bagi membantu golongan sasaran dalam sektor padi dan beras iaitu pesawah padi. Ianya bermatlamat untuk membantu pesawah mengurangkan kos pengeluaran padi serta menggalakkan mereka menggunakan benih padi sah yang berkualiti, bermutu tinggi, rintang penyakit dan mengurangkan risiko padi angin.

2. Pada masa ini, mekanisma pengeluaran dan pembekalan benih padi sah dilaksanakan oleh kesemua syarikat pengeluar benih padi sah yang dilantik oleh Kerajaan sahaja. Walau bagaimanapun, Kerajaan menetapkan harga jualan di premis pengeluaran benih padi sah di pintu kilang berjumlah RM28.00 per beg (20 kilogram setiap beg) kepada sesiapa sahaja tanpa kawalan sama ada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), ejen, syarikat, pelesen atau broker. Keadaan ini mengakibatkan manipulasi terhadap harga benih padi sah dibeli oleh pesawah yang melonjak kepada sekitar RM46 sehingga RM100 untuk setiap beg.

3. Sehubungan itu, Kementerian telah meneliti isu pengedaran benih padi sah ini dan setelah bertemu dengan pemegang taruh telah merangka hala tuju dan penambahbaikan program IBPS dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, Kementerian akan melaksanakan beberapa inisiatif bermula pada tahun 2021 seperti berikut:

- i. Pertama, melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pemborong tunggal dalam program IBPS dan pembekalan diedarkan terus kepada pesawah. Pelantikan NAFAS sebagai pemborong tunggal untuk mengedarkan benih padi sah merupakan suatu kaedah penyelesaian terbaik dan bersepadu memandangkan NAFAS mempunyai kecekapan rangkaian di mana pengedaran benih padi sah oleh NAFAS melibatkan 148 PPK dalam kawasan padi di Semenanjung Malaysia. Pada masa yang sama, NAFAS juga akan memberi ruang kepada agen, individu atau syarikat sedia

ada yang berdaftar lesen dengan pihak Kementerian untuk mengedarkan benih padi sah. NAFAS juga mempunyai sumber kewangan yang kukuh serta kemampuan dan pengalaman NAFAS dalam pengedaran Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) di seluruh negara.

- ii. Kedua, pelantikan NAFAS juga akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan tanpa melibatkan tambahan peruntukan insentif kepada Kerajaan. Ianya juga akan mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang.
- iii. Ketiga, lesen dan permit akan diberikan kepada agen, individu atau syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan untuk mengedarkan benih padi sah;
- iv. Keempat, penetapan beberapa varieti benih padi sah yang akan dihasilkan oleh syarikat pengeluar benih padi sah untuk dipilih oleh pesawah; dan
- v. Kelima, menyediakan stok penimbal benih padi sah bagi menangani isu-isu krisis seumpama ini.

4. Justeru itu, sememangnya mekanisme penstrukturan semula keseluruhan rantai nilai yang dilakukan oleh Kerajaan ini adalah untuk menjamin mutu perkhidmatan di samping memberikan hak kepada pesawah untuk memilih benih padi yang terbaik bagi kegunaan sawah padi mereka. Pada masa yang sama, langkah-langkah penyelesaian ini dapat mengelakkan manipulasi benih padi sah dan harga di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak di pintu kilang. Ianya penting bagi mengelak dominasi syarikat pembekal tertentu terhadap pasaran benih padi sah secara khususnya, dan sektor padi dan beras secara umumnya.

Sekian, terima kasih.